

# Wakil DAP terperangkap dengan dakwaan sendiri

UM 4 APR 2001

**K**UALA LUMPUR 3 April — Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) terperangkap dengan dakwaannya sendiri bahawa laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) telah dibentangkan bersama laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 10 tahun lalu.

Kerk yang bangun sebaik saja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mula membentangkan usul RRJP3 di Dewan Rakyat, hari ini, mempersoalkan tindakan kerajaan kerana tidak menyertakan laporan Mapen 2 bersama laporan RRJP-3.

“Sepuluh tahun dulu RRJP2 dibentangkan bersama laporan Mapen, kali ini Mapen 2 tidak dibentangkan, apa sudah jadi, kita setuju usul ini dibentangkan tapi tunda hingga minggu depan,” katanya.

Dakwaan Kerk itu disokong oleh anggota pembangkang dalam suasana kecoh sambil menyebut “Laporan Mapen 2 tidak ada” berulang kali.

Perdana Menteri yang bangun untuk membentangkan usul RRJP3 menjelaskan, laporan Mapen tidak dibentangkan semasa pembentangan RRJP2, oleh itu apa yang dinyatakan oleh Kerk itu tidak betul.

“Bahkan masa tu dia tidak terlibat langsung, parti DAP tidak mengambil bahagian langsung dalam pembentukan Mapen, tapi kalau Yang Berhormat dari parti lawan nak jadi *rubber stamp*, itu pilihan mereka,” katanya sambil memandang Kerk.

Kerk yang berada di tempatnya kelihatan hanya ketawa mendengar penjelasan tersebut dan tidak membuat sebarang bantahan.

Penjelasan Dr. Mahathir itu sekali gus menamatkan kekecohan yang bermula sejak pukul 11 pagi apabila Perdana Menteri diminta oleh Timbalan Speaker, Datuk Lim Si Chen supaya membentangkan usul RRJP3 itu.

Kekecohan bermula, apabila Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor turut bangun sebaik saja Dr. Mahathir hendak memulakan pembentangan usul tersebut selepas sesi soal jawab selesai.

Ahli Parlimen Pendang yang bangun atas Peraturan Mesyuarat 14 itu mencadangkan supaya pembentangan usul tersebut ditangguhkan ke minggu depan bagi memberi peluang kepada anggota Dewan meneliti laporan RRJP3 itu.

Katanya, anggota Dewan hanya memperoleh laporan tersebut petang semalam dan memerlukan masa yang cukup untuk menelitinya sebelum menyertai sesi perbincangan yang juga bermula hari ini.

“Kita memandang RRJP ini penting bagi negara dan kita

tidak boleh dilayan sebagai projek *roti canai* segera, kita perlukan pertimbangan *sekurang-kurangnya* tiga hari bagi membolehkan perbincangan dibuat dengan teliti,” katanya sambil disokong secara separa oleh anggota pembangkang yang lain.

## Usul

Dalam pada itu, Lim menegaskan, tidak ada peruntukan dalam Peraturan Mesyuarat yang menghendaki laporan RRJP3 itu perlu diedarkan beberapa hari sebelum usul itu boleh dibentangkan.

Beberapa anggota pembangkang yang tidak berpuas hati bangun bagaimanapun tidak dibenarkan oleh Lim yang memutuskan mesyuarat hari ini berjalan mengikut aturan mesyuarat yang telah ditetapkan.

Beliau berkata, Dewan juga telah menetapkan tiga hari bagi membolehkan semua anggota Dewan mengambil bahagian dalam perbincangan dan pihak pembangkang berbincang pada hari kedua dan ketiga jika mereka memerlukan masa yang lebih.

Walaupun keputusan *muktamad* telah dibuat, beberapa anggota pembangkang termasuk Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah), Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Datuk Hassan Ali (Pas-Parit Buntar), Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) dan Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena) terus bangun melahirkan rasa tidak puas hati mereka.

Masing-masing membandingkan situasi hari ini dengan pembentangan RRJP2 10 tahun lalu di mana laporannya telah diedarkan tiga hari lebih awal.

Suasana menjadi kecoh apabila anggota pembangkang itu bersuara dan dibalas oleh ahli Parlimen Barisan Nasional yang rata-rata membantah tindakan yang melanggar peraturan mesyuarat.

Perdana Menteri yang bangun buat kali kedua, duduk semula berikutan kekecohan tersebut malah ada kalangan anggota pembangkang yang bertikam lidah dengan penyokong kerajaan sambil duduk.

Sebaik saja Dr. Mahathir bangun sekali lagi dan sempat membaca beberapa ayat dalam ucapannya, Mahfuz bangun tanpa kebenaran dan terus mendesak supaya pembentangan ditangguhkan bagi membolehkan mereka membuat persiapan untuk perbincangan.

Walaupun ditegur berkali-kali oleh Lim, Mahfuz yang meneruskan desakan itu mendakwa mereka mewakili rakyat dan laporan itu penting untuk masyarakat dan bukan melibatkan segelintir rakyat.

Ketika itu, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin), Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) dan Bung Mokhtar

**Radin (BN-Kinabatangan)** bangun dan membantah tindakan Mahfuz.

Lim yang cuba mengawal keadaan, mengingatkan semua anggota Dewan mematuhi peraturan mesyuarat 42 yang mengkehendaki mereka diam ketika beliau bercakap dan peraturan 43 iaitu keputusan yang dibuat adalah muktamad.

### **Gelagat**

Perdana Menteri bangun untuk memberi penjelasan tersenyum melihat gelagat anggota pembangkang yang masing-masing asyik dengan agenda sendiri.

Hassan Ali yang tiba-tiba bangun berkata: "Macam mana kita nak berbas, kalau beri masa hanya 22 jam, laporan pula 211 muka surat, jadual ada 38 dan tujuh carta, macam mana nak memahami laporan ini, adakah kita nak jadi rubber *stamp* saja di sini," katanya.

Jamaluddin yang juga Pengerusi Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan bangun atas Peraturan Mesyuarat 44(2), bagaimanapun keadaan masih kecoh apabila anggota pembangkang dan penyokong kerajaan berterusan bertikam lidah.

Dr. Mahathir yang bangun memulakan ucapannya tetapi disebabkan anggota Dewan masih tidak memberi perhatian, beliau berkata: "Ada lagi yang nak cakap, silakan...silakan."